

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.03.2014**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan sebab kejatuhan matawang RM pada tahap paling rendah dalam sejarah Malaysia ke tahap RM2.62 berbanding dollar Singapura, kesannya kepada ekonomi Malaysia dan berapa banyak dibelanjakan untuk memperkukuhkan nilai RM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak 21 Julai 2005, ringgit beroperasi di bawah sistem kadar pertukaran apungan terurus

(*managed float*) berbanding dengan sekumpulan mata wang rakan perdagangan utama negara. Ini lebih mencerminkan sifat hubungan dagangan negara yang pelbagai.

2. Walaupun nilai ringgit menyusut sebanyak 12.8% berbanding dolar Singapura, ringgit telah meningkat sebanyak 15.9% berbanding dengan dolar AS dan meningkat secara purata sebanyak 9.2% berbanding dengan mata wang sepuluh rakan dagangan[1] utama negara pada tempoh yang sama.

3. Kedudukan ringgit ditentukan oleh kuasa pasaran. Dalam jangka masa pendek, pergerakan ringgit ditentukan oleh sentimen pasaran terhadap perkembangan global dan domestik. Memandangkan sentimen pasaran mudah berubah, kadar pertukaran akan naik atau turun pada jangka masa pendek. Manakala, untuk jangka masa panjang, trend asas pergerakan ringgit mencerminkan asas-asas ekonomi negara.

4. Bank Negara Malaysia (BNM) tidak mempunyai sebarang sasaran

tahap bagi kadar pertukaran ringgit. Walau bagaimanapun, memandangkan pergerakan kadar pertukaran jangka pendek yang tidak menentu, BNM akan terus memastikan bahawa keadaan di pasaran pertukaran asing kekal teratur. Pasaran pertukaran asing ringgit yang lebih mendalam dan liberalisasi akaun kewangan telah membolehkan pepadanan permintaan dan penawaran ringgit yang lebih baik. Ia juga telah menyediakan ruang untuk perlindungan nilai (*hedging*) terhadap risiko kadar pertukaran.